

19/03/2000

Jangan paksa Razaleigh bertanding

KOTA BHARU: Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah, tidak perlu dipaksa mana-mana pihak, termasuk di Kelantan untuk bertanding merebut sebarang jawatan dalam Umno menjelang pemilihan Mei ini.

Timbalannya, Datuk Annuar Musa, berkata Tengku Razaleigh juga mungkin mempunyai perhitungan sendiri berikutan pendiriannya yang tidak pernah menyatakan dengan khusus berhubung jawatan yang ingin ditandingi.

"Mungkin beliau ingin bersikap konsisten dengan apa yang dinyatakan sebelum ini, iaitu tidak berhasrat memegang jawatan (dalam Umno) atau menjadi jeneral... cukup dengan menjadi gurkha.

"Jadi, kalau beliau ingin terus menjadi gurkha, biarlah dia terus jadi gurkha. Jangan paksa dia, nanti susah pula kemudiannya," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbukanya sempena Aidiladha di Bukit Marak, dekat sini, semalam.

Beliau berkata, Tengku Razaleigh tidak pernah memberi arahan kepada mana-mana bahagian Umno di Kelantan untuk mencalonkan beliau tetapi usaha itu digerakkan oleh segelintir pihak yang tidak diketahui latar belakangnya.

Annuar berkata, perkara itu mudah difahami kerana sesetengah daripada mereka terbabit ingin mengetengahkan Tengku Razaleigh berasaskan kepentingan yang menjurus kepada unsur peribadi.

"Saya berpendapat perubahan perlu dibuat dalam Umno, tetapi ia boleh dilakukan oleh barisan kepimpinan sedia ada dan struktur Umno tidak perlu dirombak secara mendadak.

"Apa yang kita perlukan ialah perubahan pendekatan dan pasukan yang ada dalam Umno sekarang mampu melakukannya, jadi kita tidak boleh memikirkan kepentingan diri sendiri kerana masing-masing perlu memberi sumbangan demi masa depan parti," katanya.

Katanya, Umno akan terus menghadapi masalah jika ada antara ahlinya bertindak memencilkan diri gara-gara berikutan perpecahan yang berpunca daripada pertandingan merebut jawatan.

Sambil menjelaskan beliau mengadakan perbincangan hati ke hati dengan sebahagian besar daripada ketua Umno bahagian di Kelantan, Annuar berkata majoritinya berpendapat adalah tidak wajar bagi Tengku Razaleigh bertanding merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden parti.

"Kita tidak boleh fikir soal kawan atau kenegerian, sebaliknya kita harus melihat kepentingan Umno dalam skop yang lebih luas.

"Saya tidak menolak kepimpinan Tengku Razaleigh, malah saya terus menyokong beliau selaku Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan supaya agenda kita di Kelantan boleh diselesaikan.

"Untuk itu, beliau harus bekerja di bawah Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk memperkuatkan parti," katanya.

(END)